

Sinar Harian 10 / 7 / 2018
m/s 13

Perhalusi cadangan lelong bot yang dirampas

MANJUNG- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum memutuskan lagi cadangan yang diterima daripada nelayan untuk melelong bot nelayan asing dirampas agensi di bawah kementerian berkenaan.

Menterinya, Salahuddin Ayub berkata, hasil pertemuan dan sesi dialog pihaknya bersama nelayan di beberapa negeri menerima maklum balas supaya bot dirampas, dilelong daripada dibakar.

"Pihak berkuasa negara jiran seperti Indonesia dan Vietnam akan membakar vessel (bot nelayan) yang dirampas apabila nelayan

asing memasuki perairan mereka.

"Tetapi negara kita tidak melakukan perkara sedemikian. Jadi, saya fikir cadangan diterima agar bot-bot ini dilelong boleh dipertimbangkan," katanya kepada pemberita pada sidang media se-lepas Program Interaksi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Bersama Nelayan di Jeti Projek Pemasaran Ikan dan Dana Nelayan, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Manjung Utara, semalam.

Ditanya tindakan yang dilakukan kerajaan bagi mengambil kembali bot nelayan dirampas negara jiran Salahuddin berkata, saluran diplomatik akan digunakan bagi berbincang mengenai perkara tersebut.